

SULIT



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

**PENILAIAN MENENGAH RENDAH
PEPERIKSAAN PERCUBAAN (OTI 3)**

21/1

SEJARAH
Kertas 1

Ogos
2008
1¼ jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 23 halaman bercetak

21/1 © Ogos 2008 Hak Cipta JPNT

- 1 Maklumat berikut berkaitan pekerjaan penduduk Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

Melayu - petani
 India - buruh estet
 Cina - pelombong dan peniaga

Apakah ciri sejarah yang dapat ditafsirkan melalui maklumat tersebut?

- A Fakta yang tepat dan benar
 B Fakta yang dapat dipertanggungjawabkan
 C Peristiwa yang mempunyai sebab dan akibat
 D Peristiwa penting dan bermakna

(T1:MS.8)

- 2 Senarai berikut merupakan peralatan yang ditemui pada Zaman Prasejarah.

- Kapak - Sungai Tembeling, Pahang
- Tulang Mawas - Raub, Pahang
- Sabit - Lembah Bernam, Selangor

Apakah zaman tersebut?

- A Paleolitik
 B Mesolitik
 C Neolitik
 D Logam

(T1:MS.27)

- 3 Senarai berikut merupakan kerajaan awal di Asia Tenggara

- Kedah Tua
- Majapahit
- Srivijaya

Apakah persamaan antara kerajaan di atas?

- A Menjadi pusat pengeluaran rempah dan hasil hutan
 B Pusat penyebaran agama Hindu dan Buddha
 C Diasaskan pada kurun kelima masihi
 D Merupakan pelabuhan entrepot

(T1:MS.38-41)

**Lihat Sebelah
 SULIT**

- 4 Pernyataan berikut berkaitan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka.

Di Temasik, Parameswara dapat menjangkakan bahawa tempat itu akan berkembang maju satu hari nanti

Mengapakah baginda berpandangan sedemikian?

- A Kedudukan yang strategik
- B Keanehan yang berlaku di hadapan mata
- C Kebaikan pemerintah Temasik pada masa itu
- D Keindahan pantai Temasik

(T1:MS.47-48)

- 5 Jadual di bawah merujuk pembesar Melaka dan kawasan pegangan masing-masing

Pembesar	Kawasan Pegangan
Bendahara	Muar dan Bentan
Penghulu Bendahari	Sening Ujong dan Kampar
Hulubalang	Sungai Raya dan Siantan

Mengapa sultan Melaka mewujudkan kawasan tersebut?

- A Mengawal kuasa pembesar
- B Memudahkan pungutan cukai
- C Mempelbagaikan sistem pentadbiran
- D Meningkatkan sokongan dan taat setia

(T1:MS.60)

- 6 Pernyataan berikut berkaitan dengan peraturan perdagangan di Melaka

Surat kebenaran berniaga

Apakah tujuan surat tersebut?

- A Menambah pendapatan kerajaan
- B Menyimpan barang dagangan
- C Memudahkan pungutan cukai
- D Menjamin keselamatan pedagang

(T1:MS.66)

**Lihat Sebelah
SULIT**


7 Antara berikut yang manakah peranan istana Melaka sebagai pusat kegiatan intelektual?

- I Membincangkan hal agama
- II Menggubal undang-undang
- III Merancang strategi negara
- IV Menyimpan karya negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T1:MS.78-79)

8 Kawasan berikut merujuk perluasan kuasa pada zaman keagungan Empayar Melaka



Apakah faktor kejayaannya?

- I Keamanan dalam negeri
- II Kebijaksanaan sultan dan pembesar
- III Kerjasama dengan kuasa luar
- IV Kekayaan bahan mentah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III

**Lihat Sebelah
SULIT**

D III dan IV

(T1:MS.81-85)

9 Pernyataan di bawah mengenai kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511.

Berakhirnya zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka yang terbina sejak lebih satu abad

Apakah faktor mempengaruhi kejatuhannya?

- I Masalah perpaduan
 - II Kelemahan pemerintah Melaka
 - III Persaingan dalam kalangan pedagang asing
 - IV Rahsia kekuatan pertahanan Melaka diketahui Portugis
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

(T3:MS.91-93)

10 Pernyataan di bawah berkaitan faktor kegemilangan kerajaan Johor.

Johor menjadi pusat membuat kapal pesisiran pantai seperti banteng, baluk, kolek, pencalang dan pencacap.

Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan pernyataan di atas?

- A Kemahiran mesti dipertahankan
- B Kecekapan sistem pentadbiran
- C Kekayaan menentu kekuatan
- D Keazaman meneroka laut

(T1:MS.111)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 11 Pernyataan berikut mengenai perkembangan di Kelantan.

Selepas Long Yunus mangkat pada tahun 1794,
perang saudara telah meletus di Kelantan

Antara berikut yang manakah boleh dikaitkan dengan Long Yunus?

- I Pernah menjadi Raja Kelantan
 - II Merupakan putera kepada Long Muhammad
 - III Mengetuai serangan ke atas Terengganu pada tahun 1794
 - IV Memindahkan ibu kota dari Kota Kubang Labu ke Kota Bharu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T1:MS.129)

- 12 Senarai berikut menunjukkan peraturan dalam masyarakat Melayu

- Adat lembaga negeri
- Keistimewaan raja serta pembesar
- Undang-undang jenayah, penderhaka dan penzina

Peraturan di atas terkandung dalam

- A Undang-undang Laut Melaka
- B Undang-undang 99 Perak
- C Undang-undang Pahang
- D Undang-undang Kedah

(T1:MS.150)

Reka bentuk rumah Melayu dipengaruhi oleh unsur dari luar alam Melayu

- 13 Berdasarkan maklumat di atas, apakah unsur luar tersebut?

- I Siam
 - II Belanda
 - III Portugis
 - IV Vietnam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T1:MS.169)

**Lihat Sebelah
SULIT**

14 Maklumat di bawah berkaitan sistem pendidikan di Sarawak.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ➤ Formal ➤ Tidak formal |
|--|

Bagaimanakah sistem pendidikan tidak formal disampaikan?

- A Diajar di masjid-masjid dan sekolah agama
- B Disampaikan oleh guru Al-Quran, imam dan lebai
- C Diwarisi secara turun-temurun melalui cerita lisan
- D Disebarkan secara langsung semasa menyambut pesta menuai

(T1:MS.183)

15 Rajah di bawah merujuk salah satu kebudayaan di Sarawak

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ditarikan oleh orang Murut • Dipersembahkan dalam upacara menyambut tetamu yang datang dari jauh, berpindah rumah atau pada hari Monggotom |
|---|

Tarian tersebut ialah

- A Sumazau
- B Ngajat
- C Limbai
- D Mangalang

(T1:MS.198)

16 Apakah tujuan penubuhan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI)?

- I Meluaskan tanah jajahan
- II Menjalankan perdagangan antarabangsa
- III Meneruskan peperangan dengan orang Islam di Timur
- IV Memonopoli perdagangan rempah di kepulauan rempah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T2:MS.3)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 17 Negara berikut memberi ancaman kepada kesultanan Kedah.

- Burma
- Siam
- Bugis

Bagaimanakah Sultan Kedah menangani masalah tersebut?

- A Menerima sokongan penduduk tempatan
- B Mendapat kerjasama negara jiran
- C Memperoleh bantuan British
- D Menerima bantuan kawasan naungannya


(T2:MS.5)

- 18 Mengapakah SHTI ingin membina pangkalan tentera di Pulau Pinang?

- A Menghadapi ancaman Perancis
- B Menyekat kedatangan kuasa asing
- C Memecah dasar monopoli Belanda
- D Menghalang dasar keterbukaan Siam

(T2:MS.7)

- 19 Peta di bawah mengenai pembahagian pengaruh British dan Belanda pada tahun 1824.



Apakah kesan perjanjian Inggeris-Belanda 1824 kepada British?

- A Menguasai Melaka dan Betawi
- B Empayar Johor-Riau menjadi lemah
- C Dapat menyaingi Belanda dalam perdagangan rempah
- D Berpeluang untuk meluaskan pengaruh di Tanah Melayu

(T2:MS.20)

**Lihat Sebelah
SULIT**

20 Maklumat di bawah mengenai faktor berlakunya peperangan di Larut.

Kemasukan buruh Cina yang ramai mencetuskan pergaduhan sesama mereka sehingga tercetusnya peperangan

Apakah usaha untuk menamatkan kekacauan tersebut?

- A Menghantar pulang buruh Cina yang terlibat
- B Menyekat kemasukan buruh-buruh Cina
- C Menutup lombong-lombong bijih timah
- D Melantik Kapten Speedy menanganinya

(T2:MS.33)

21 Gambar di bawah berkaitan dengan persidangan Raja-raja Melayu (Durbar) tahun 1897.



Apakah tujuan penubuhannya?

- A Melantik pembesar
- B Menyuarakan rasa tidak puas hati sultan
- C Membincangkan undang-undang
- D Menentang dasar Residen

(T2:MS.47)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 22 Maklumat di bawah mengenai keistimewaan yang diberi kepada Konsul British di Bangkok

Hak Wilayah Asingan

Apakah keistimewaan hak tersebut?

- A Membicarakan mengikut titah perintah raja
 B Menjalankan sistem perundangan British
 C Menggunakan adat istiadat tempatan
 D Mengikut sistem perundangan Siam (T2:MS.57)
- 23 Apakah tanaman yang diusahakan dalam Sistem Kangcu?
- A Gambir dan nanas
 B Getah dan lada hitam
 C Lada hitam dan gambir
 D Gambir dan kelapa sawit (T2:MS.64)
- 24 Pernyataan di bawah mengenai satu perjanjian antara Maharaja Abu Bakar dengan British pada 1885.

Perjanjian Persahabatan

Apakah kesan perjanjian tersebut kepada Maharaja Abu Bakar?

- I Kedudukannya lebih tinggi daripada Gabenor British di Singapura
 II Menerima penasihat British untuk memodenkan Johor
 III Dapat berhubung terus dengan kerajaan British
 IV Diiktiraf sebagai pemerintahan Johor
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV (T2:MS.65)
- 25 Mengapakah kedatangan Pangeran Indera Mahkota mengecewakan pembesar tempatan?
- A Mereka tidak dibayar gaji
 B Penduduk dipaksa bekerja di lombong antimoni tanpa diberi upah
 C Cukai yang tinggi dikenakan terhadap hasil keluaran tempatan
 D Mengambil alih perdagangan antimoni dan emas mereka (T2:MS.77)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 26 Apakah kesan dasar pecah dan perintah oleh Brooke di Sarawak?
- A Menghalang perpaduan kaum
 - B Bantuan pendidikan sukar disalurkan
 - C Ekonomi negara kurang berkembang
 - D Rakyat tempatan bangun memberontak
- (T2:MS.92)
- 27 Apakah kesan penubuhan Syarikat Borneo Utara British ke atas Sabah?
- A Sistem pentadbiran menjadi lebih berkesan
 - B Kawasan pedalaman menjadi lebih maju
 - C Pengaruh Brunei dan Sulu berkurangan
 - D Peluasan pengaruh British
- (T2:MS.103)
- 28 Mengapakah Syarikat Borneo Utara British hanya mementingkan pendidikan rendah sahaja?
- A Mendapat tentangan pihak British
 - B Penduduk tempatan tidak berminat dalam bidang pendidikan
 - C Menganggap bidang pendidikan tidak menguntungkan
 - D Tidak mempunyai tenaga pengajar yang ramai
- (T2:MS.116)
- 29 Getah hanya diperkenalkan sebagai tanaman pilihan pada abad ke-19. Mengapa?
- A Syarikat Eropah banyak melabur modal
 - B Ramai tenaga buruh yang dibawa masuk
 - C Permintaan getah di pasaran dunia meningkat
 - D Pemulihan ekonomi akibat kejatuhan harga kopi
- (T2:MS.130)
- 30 Maklumat berikut merupakan antara faktor perkembangan perusahaan getah.

Sistem Ibedem

Apakah tujuan sistem tersebut?

- A Menyekat kuota eksport getah di pasaran dunia
 - B Meningkatkan pengeluaran susu getah
 - C Mengurangkan pengeluaran getah
 - D Meningkatkan harga getah
- (T2:MS.132)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 31 Pernyataan berikut menggambarkan dasar British terhadap pendidikan di Tanah Melayu.

"..... Ajarkan mereka supaya memuliakan kerja buruh, supaya tidak semua mereka menjadi kerani, dan

Arthur Kenion

Mengapakah British mengamalkan dasar tersebut?

- A Menyekat kebangkitan semangat kebangsaan
- B Memelihara kedaulatan bahasa ibunda
- C Memupuk persefahaman antara kaum
- D Menyelesaikan masalah perkauman

(T2:MS.155)

- 32 Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam penentangan terhadap Inggeris.


- ◆ Yamtuan Muda Raja Ali
- ◆ Syed Sha'aban

Apakah kaitan tokoh di atas?

- A Kebangkitan Dol Said
- B Kebangkitan Dato' Bahaman
- C Penentangan Haji Abdul Rahman Limbong
- D Penentangan Tok Janggut

(T2:MS.167)

- 33 Peta di bawah berkaitan penentangan dan kebangkitan Sharif Masahor di Sarawak.



Bagaimanakah beliau menentang Charles Brooke?

- A Mendirikan kubu pertahanan di Sungai Rajang
- B Menjalin hubungan dengan pembesar Mukah
- C Meminta bantuan Sultan Brunei
- D Mengusir Pangeran Matusin

(T2:MS.172-173)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 34 Pernyataan di bawah mengenai penentangan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu.

I Dibantu oleh Hj. Mat Hassan Munas
 II Menegaskan bahawa tanah itu hak Allah
 III Berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang binatang buas
 IV Pemimpinnya terbunuh semasa pertempuran dengan British

Manakah yang berkaitan dengan penentangan di atas?

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(T2:MS.190)

Syed Sheikh Al-Hadi merupakan tokoh yang banyak menulis tentang kemunduran masyarakat Melayu di awal abad ke 20.

- 35 Mengapakah beliau berpandangan demikian?

- A Kemiskinan
 B Ingkar perintah Tuhan
 C Pemikiran yang sempit
 D Penindasan oleh penjajah

(T2:MS.203)

- 36 Maklumat berikut berkaitan penubuhan Sekolah Latihan Kepimpinan semasa pemerintahan Jepun.

Koa Kunrenjo

Apakah tujuan penubuhannya?

- I Mengatasi masalah kekurangan pegawai awam
 II Memberi peluang jawatan tinggi kepada orang Melayu
 III Melatih pemuda tempatan untuk menghadapi tentera Bersekutu
 IV Memastikan tentera Jepun dapat mempelajari hal ehwal tempatan

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(T3:MS.30)

**Lihat Sebelah
SULIT**

British memperkenalkan Pentadbiran Tentera British di Tanah Melayu pada 1945

37 Mengapakah British bertindak demikian ?

- A Mengukuhkan kedudukan
- B Memulihkan keamanan dan ketenteraman
- C Memajukan semula ekonomi
- D Mengusir tentera Jepun

(T3:MS.48)

Pentadbiran ini dianggap sebagai satu bentuk penaklukan yang mutlak

38 Apakah pentadbiran yang dimaksudkan itu?

- A Malayan Union
- B Persekutuan Malaysia
- C Pentadbiran Tentera British
- D Persekutuan Tanah Melayu

(T3:MS.56)

39 Antara berikut yang manakah merupakan parti politik berhaluan kiri ?

- I Parti Tindakan Rakyat
- II Angkatan Wanita Sedar
- III Angkatan Pemuda Insaf
- IV Parti Kebangsaan Melayu Malaya

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(T3:MS.53)

40 Bagaimanakah pihak British mengetahui Malayan Union ditentang oleh orang Melayu?

- A Pembunuhan ke atas pegawai British
- B Laporan Sir Harold MacMichael
- C Bantahan bersenjata orang Melayu
- D Laporan dua orang ahli parlimen British

(T3:MS.62)


**Lihat Sebelah
SULIT**

41 Mengapakah perjuangan komunis kurang mendapat sambutan orang Melayu?

- A Orang Melayu menyokong British
- B Fahamannya bertentangan dengan budaya dan agama Islam
- C Keahlian Parti Komunis Malaya hanya dibuka kepada orang Cina
- D Orang Melayu tidak memahami tujuan penubuhan PKM

(T3:MS.87)

42 Rajah di bawah berkaitan kegiatan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu.



Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Tertubuhnya pasukan Home Guard
- B Ramai pemimpinnya dihantar pulang ke China
- C Semua negeri terlibat dalam kegiatan tersebut
- D Undang-undang darurat telah diisytiharkan

(T3:MS.88)

43 Gambar di bawah berkaitan penempatan penduduk di kampung baru dalam Rancangan Briggs



Bagaimanakah rancangan ini berjaya melumpuhkan kegiatan PKM?

- A Chin Peng ditangkap
- B Perintah berkurung dikuatkuasakan
- C Bekalan makanan dan maklumat tersekat
- D Syarat kewarganegaraan dilonggarkan

(T3:MS.97)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 44 Parti di bawah bertujuan untuk menarik minat orang-orang Cina.

Malayan Chinese Association (MCA)

Mengapakah parti tersebut ditubuhkan?

- I Mengikis pandangan negatif bahawa orang Cina adalah komunis
- II Melibatkan orang Cina dalam politik tanah air
- III Memenuhi permintaan rakyat
- IV Memupuk kerjasama kaum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS.109)

- 45 Persidangan di bawah diadakan secara berasingan tetapi mempunyai satu tujuan

- ✓ Konferensi Nasional
- ✓ Konvensi Nasional


Apakah tujuan persidangan tersebut?

- A Usaha merealisasikan perpaduan kaum
- B Usaha mendapatkan kemerdekaan segera
- C Mengasaskan sistem pendidikan yang seragam
- D Mengasaskan sistem pentadbiran yang berkesan

(T3:MS.123)

**Lihat Sebelah
SULIT**

46 Gambar di bawah mengenai situasi masyarakat majmuk di negara kita



Apakah nilai yang dapat diambil?

- A Keadilan
- B Kemajuan
- C Keharmonian
- D Kesungguhan

(T3:MS.130)

47 Keputusan berikut berkaitan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada 1955

Parti	Bilangan Kerusi yang Ditandingi	Jumlah Kerusi yang Dimenangi
Perikatan	52	51
Parti Negara	30	-
Parti Islam Se-Malaya	11	1
Liga Melayu Perak	9	-
Parti Buruh	4	-
Bebas	18	-

Apakah faktor kejayaan Parti Perikatan?

- I Kerjasama erat antara kaum
- II Kesanggupan untuk berkongsi kuasa
- III Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan
- IV Semangat berkobar-kobar untuk mencapai kemerdekaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(T3:MS.140)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 48 Senarai di bawah merujuk perkara yang dipinda oleh Parti Perikatan terhadap laporan Suruhanjaya Reid

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa • Hak Istimewa • Agama |
|---|


Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada pindaan di atas?

- I Bersyukur
- II Berwawasan
- III Bermuafakat
- IV Bertolak ansur

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS.155-156)

- 49 Maklumat dalam rajah di bawah merupakan fasal penting dalam sejarah kemerdekaan negara?



Apakah X?

- A Perjanjian London
- B Suruhanjaya Reid
- C Perlembagaan Merdeka
- D Pemasyhuran Kemerdekaan

(T3:MS.157)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 50 Gambar berikut menunjukkan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan pada 30 Ogos 1957 jam 12 tengah malam



Apakah iktibar yang dapat diambil daripada peristiwa di atas?

- I Menghargai budaya bangsa
- II Bersyukur sebagai warganegara
- III Berbangga dengan usaha pemimpin
- IV Berganding bahu mempertahankan kaum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS.160-161)

- 51 Maklumat di bawah merujuk proses ke arah penyerahan Sarawak kepada British

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ✓ Perundangan ✓ Demokrasi |
|--|


Apakah langkah yang patut diambil oleh Vyner Brooke untuk memastikan proses tersebut dipatuhi?

- A Merujuk Majlis Negeri
- B Berunding dengan pegawai British
- C Berbincang dengan ketua-ketua masyarakat Melayu
- D Berbincang dengan ketua anak negeri

(T3:MS.177)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 52 Rajah di bawah mengenai matlamat penubuhan sebuah parti politik di Sarawak.




X ialah

- A Parti Negara Sarawak (PANAS)
- B Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
- C Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)
- D Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)

(T3:MS.187)

- 53 Rajah berikut berkaitan perubahan yang diperkenalkan British di Sabah pada tahun 1950.



Apakah tujuan perubahan tersebut?

- I Menjimatkan perbelanjaan
- II Meningkatkan taraf pentadbiran
- III Melibatkan anak negeri dalam pentadbiran
- IV Memberi latihan kepimpinan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS.190)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 54 Dialog di bawah merujuk kepada reaksi Lee Kuan Yew terhadap gagasan Persekutuan Malaysia.

.....saya dan PETIR mengalu-alukan gagasan Persekutuan Malaysia

Mengapakah beliau berpendirian sedemikian?

- A Mengeratkan kerjasama antara negara
- B Menyekat pengaruh parti berhaluan kiri
- C Partinya tewas dalam pilihan raya umum
- D Mendapatkan bantuan kewangan dari Tanah Melayu

(T3:MS.206)

- 55 Maklumat berikut merujuk kepada keputusan rakyat Sabah.

.....kami rakyat Sabah bersetuju menyertai Persekutuan Malaysia.

Antara berikut pihak manakah yang mengesahkan persetujuan tersebut?

- I Suruhanjaya Cobbold
- II Jawatankuasa Antara Kerajaan
- III Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
- IV Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS.212- 214)

- 56 Jadual di bawah merujuk kepada satu usaha ke arah perdamaian Malaysia-Indonesia.

Tarikh	Peristiwa
Jun 1964	Persidangan di Tokyo

Mengapakah persidangan di atas gagal?

- A Perselisihan faham antara pemimpin
- B Indonesia melanggar perjanjian
- C Campurtangan kuasa asing
- D Indonesia enggan mengundurkan tentera

(T3:MS.221)

**Lihat Sebelah
SULIT**

57 Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa Gestapo di Indonesia.

Tarikh	Perkara
30 September 1965	Percubaan rampasan kuasa oleh Parti Komunis Indonesia


Apakah kesan peristiwa di atas terhadap hubungan Malaysia - Indonesia?

- I Semakin pulih
- II Konfrontasi semakin kendur
- III Indonesia bergabung dengan Malaysia
- IV Bertambah tegang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS.222)

58 Dokumen berikut berkaitan perjanjian yang ditandatangani antara Malaysia - Indonesia pada Ogos 1966.



Apakah kepentingan perjanjian tersebut?

- A Meningkatkan hubungan persahabatan
- B Mendapatkan bantuan ketenteraan
- C Memulihkan hubungan ekonomi
- D Menamatkan konfrontasi

(T3:MS.225)

**Lihat Sebelah
SULIT**

- 59 Maklumat di bawah berkaitan dengan sikap Indonesia terhadap Malaysia.

Indonesia tidak sepatutnya bermusuh dengan negara kita

Mengapa?

- I Indonesia banyak bergantung kepada Malaysia
- II Indonesia - Malaysia merupakan jiran serumpun
- III Mempunyai hubungan sejarah yang lama
- IV Indonesia diberikan perlindungan oleh Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS.224)

- 60 Pernyataan berikut merupakan faktor pemisahan Singapura dari Malaysia pada 1965.

“Duri dalam daging”

Mengapakah Singapura dianggap sedemikian?

- I Membangkitkan sentimen perkauman
- II Menyebarkan propaganda komunis
- III Menyemarakkan semangat nasionalisme
- IV Mempertikai peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS.226-227)

KERTAS SOALAN TAMAT

**Lihat Sebelah
SULIT**